

24/11/1997

Undang-undang babitkan remaja wajar dipinda

Syuhada Choo Abdullah

HAKIKAT bahawa perangkaan dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan peringkat umur kanak-kanak yang terbabit dengan kesalahan jenayah adalah semakin muda, pastinya amat pahit untuk diterima oleh keseluruhan rakyat di negara ini.

Tidak dinafikan, antara pihak memberi perhatian berat terhadap perkembangan negatif itu ialah Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM), Ogos lalu.

Penubuhan YPJM dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku penaung pada 12 Januari 1993. Fungsi utama yayasan berkenaan ialah menggembelngkan tenaga dan kepakaran daripada pelbagai pihak, termasuk badan bukan kerajaan (NGO), untuk mengkaji, menyelaras serta melaksanakan perkara berkaitan pencegahan jenayah di negara ini.

"Pada zaman ini, kemakmuran rakyat adalah satu objektif penting kerajaan kerana masyarakat sedang diancam oleh pelbagai cabaran yang boleh meruntuhkan ummah."

"Antara ancaman ini dimanifestasikan oleh pelbagai bentuk salah laku di kalangan sebilangan kanak-kanak serta remaja. Mereka terikut-ikut dengan idea kebebasan mutlak sehingga tingkah laku banyak menyeleweng daripada batas ditentukan masyarakat timur dan agama di negara ini."

"Malah, perangkaan dikeluarkan oleh PDRM menunjukkan bahawa bilangan kanak-kanak dan remaja yang terbabit dalam salah laku jenayah semakin meningkat."

"Perkembangan ini amat merunsingkan kerajaan kerana pencapaian Wawasan 2020 tidak akan memberi makna jika pembangunan fizikal dan rohani tidak seimbang," kata Najib ketika berucap merasmikan Bengkel Perundangan Mengenai Gejala Sosial di Universiti Malaya (UM), baru-baru ini.

Bengkel itu adalah ekoran luahan hasrat Najib di dalam mesyuarat Majlis Kerja YPJM, September lalu, untuk mendapatkan pandangan awam mengenai cadangan pindaan beberapa undang-undang sedia ada berkaitan remaja.

Pindaan itu disyorkan oleh Jawatankuasa Kerja Penyemakan dan Penggubalan Perundangan Mengenai Gejala Sosial yang ditubuhkan oleh kerajaan dengan Najib dipertanggungjawabkan sebagai pengerusi.

Cadangan berkenaan diketengahkan selepas jawatankuasa terbabit selesai mengkaji tiga perundangan lama, iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947 (AMJ), Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 (APK), serta Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (APWG).

"Saya difahamkan cadangan akan dibuat untuk penggubalan satu akta baru bagi menyatukan tiga perundangan lama berkenaan."

"Penyatuan ini perlu kerana ada pertindihan di dalam akta berkenaan dan untuk mengambil kira keadaan semasa di dalam masyarakat."

"Perundangan baru itu bertujuan memberi lebih perlindungan serta menjamin kepentingan kanak-kanak, remaja dan wanita," katanya.

Hasil kajian selama tiga bulan, akhirnya sebanyak 27 cadangan pindaan digariskan, iaitu 13 untuk AMJ, APK (lima), dan APWG (sembilan), yang dibentangkan oleh Ketua Unit Perundangan dan Perkhidmatan Pengurusan Universiti Malaya (UM), Prof Dr Mimi Kamariah Majid.

Antara cadangan itu ialah:

\* Bagi AMJ ialah pindaan dari segi takrif 'kanak-kanak' atau 'child', iaitu 'kanak-kanak' patut dirujuk kepada seseorang berumur kurang daripada 18 tahun.

Jika sekarang juvana dibahagikan kepada dua, iaitu `kanak-kanak' (had umur di bawah 14 tahun) dan `orang muda' (di antara 14 hingga kurang daripada 18 tahun), dicadangkan supaya kategori pertama dirujuk sebagai `kanak-kanak berumur kurang daripada 14 tahun', manakala kategori kedua pula `kanak-kanak berumur 14 tahun ke atas', yakni sehingga sebelum mencapai umur 18 tahun.

\* Pindaan terhadap umur tanggungan jenayah atau age of criminal responsibility iaitu peringkat umur seorang kanak-kanak boleh dituduh terhadap suatu kesalahan jenayah disyorkan tujuh tahun berbanding 10 tahun sekarang.

Sebelum Seksyen 82 dan 83 Kanun Keseksaan dipinda pada 1976, umur tanggungan jenayah ialah tujuh tahun tetapi mulai 22 Januari 1976, tahap berkenaan dinaik kepada 10 tahun tanpa sebarang alasan nyata.

Namun ekoran kekerapan perlakuan jenayah oleh kanak-kanak kini, Seksyen 82 Kanun Keseksaan difikirkan perlu dipinda untuk mengembalikan umur tanggungan jenayah kepada tujuh tahun.

Bagaimanapun jika tahap umur itu diturunkan kepada tujuh tahun, tidak bermakna polis atau timbalan pendakwa raya akan membawa kanak-kanak terbabit ke mahkamah dalam semua kes.

Seksyen 83 Kanun Keseksaan memperuntukkan yang kanak-kanak itu akan bertanggungjawab di atas perbuatan jenayahnya jika cukup akal bagi mempertimbangkan keadaan dan akibat perbuatan pada waktu berkenaan.

Selain itu, kanak-kanak berumur tujuh tahun yang melakukan jenayah masih mudah dibentuk atau dipulihkan. Maka jika didapati bersalah, kanak-kanak terbabit boleh mengikuti persekolahan dari tahun satu di pusat kebajikan atau pergerakan di luar institusi diawasi supaya menghadiri persekolahan dengan tekun.

Ini berbanding dengan ditangkap pada umur 10 tahun dan didapati bersalah, keadaan kanak-kanak terbabit mungkin sudah melarat dan teruk.

\* Semua juvana dihukum menurut akta bersepadu dicadang saja. Ketika ini, Kanun Prosedur Jenayah turut memperuntukkan beberapa hukuman untuk pesalah berumur di antara 10 sehingga tidak lebih 16 tahun.

\* Penubuhan mahkamah kanak-kanak dan semua perkara di bawah akta sepadu yang dicadang hendaklah diuruskan di hadapan mahkamah itu.

Mahkamah kanak-kanak akan dipengerusi oleh hakim mahkamah sesyen dan apabila mengendalikan kes jenayah, mahkamah berkenaan akan dibantu oleh dua penasihat.

\* Mahkamah tertutup dikekalkan untuk semua prosiding mahkamah kanak-kanak sama ada prosiding jenayah mahupun prosiding perlindungan.

Sehubungan itu, larangan laporan mengenai sebarang langkah diambil terhadap kanak-kanak terpakai bukan saja berkaitan prosiding di mahkamah, tetapi juga di peringkat pra dan selepas perbicaraan.

Larangan diperluaskan kepada segala media, termasuk menghebahkan sebarang butiran mengenai pesalah dan identiti saudara-maranya yang boleh membawa kepada pengecaman kanak-kanak terbabit.

Penalti pelanggaran larangan berkenaan ditingkatkan menjadi suatu deteran, iaitu denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya, berbanding dengan denda tidak melebihi RM500 yang diperuntukkan kini.

\* Selain ibu bapa atau penjaga dan pegawai mahkamah, orang dewasa yang bertanggungjawab boleh dibenarkan oleh mahkamah untuk menghadiri kes jenayah.

Orang berkenaan termasuk seorang guru yang rapat dengan kanak-kanak terbabit dan yang mana kanak-kanak berkenaan senangi serta menaruh keyakinan. Ini kerana diakui ada kalanya, ibu bapa tidak tahu menahu mengenai anak atau hubungan renggang dengan anak.

\* Dari segi peruntukan yang menekankan tanggungjawab ibu bapa, iaitu

jaminan atau bail perlu disempurnakan oleh ibu bapa atau penjaga dan kanak-kanak tidak dibenarkan menjamin diri.

Kehadiran ibu bapa atau penjaga di mahkamah adalah diwajibkan, melainkan dikecualikan oleh mahkamah. Penalti diperuntukkan bagi ketidakhadiran.

\* Peringkat keputusan, iaitu apabila kanak-kanak didapati bersalah atau mengakui fakta yang membuktikan kesalahan, mahkamah diperlukan mendapat pandangan setiap penasihat dan semua pandangan hendaklah dicatatkan.

\* Aspek hukuman. Hukuman boleh dijatuhkan hendaklah yang diperuntukkan dalam akta sepadu saja. Bon kelakuan baik hendaklah tertakluk kepada syarat tertentu.

Seterusnya, perintah di bawah jagaan saudara atau orang yang layak hendaklah tertakluk kepada syarat tertentu. Sebatan tidak melebihi 10 kali dengan rotan ringan dalam kehadiran pengerusi mahkamah di premis mahkamah serta perintah khidmat masyarakat.

Selain itu, mahkamah hendaklah memerintah ibu bapa atau penjaga mengikat jamin untuk kelakuan baik kanak-kanak dengan bersyarat. Penalti sekiranya mereka melanggar syarat ikat jamin ialah penjara tidak melebihi dua tahun, denda tidak melebihi RM5,000.